



Anwar pada sidang media di Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# Projek pertama pelaburan RM170b China dijangka Mei

PM minta kerajaan negeri, PBT permudahkan urusan tanpa abai peraturan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Projek pertama mem-babitkan pelaburan RM170 bilion syarikat China ke negara ini di-jangka selewat-lewatnya bulan depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menyifatkan sebagai 'berita baik', Perdana Menteri berkata pelaksanaan projek itu akan memberi impak serta memacu lebih banyak pelaburan asing di negara ini.

Beliau berkata, ini selepas dua syarikat terbesar China iaitu Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely) dan syarikat petrokimia dari China, Rongsheng Petrochemical Co Ltd (RPCL) akan mengunjungi Malaysia Mei ini bagi membuat susulan pelaburan mereka.

"Berita baik ialah projek awal (kerja awalan) akan dimulakan



Keratan akhbar BH Ahad lalu.

dalam masa singkat, saya jangka selewat-lewatnya Mei ini dan ini akan memberi impak selain MoU, iaitu pelaksanaan itu dapat disegerakan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

## Percepat, mudahkan proses

Sehubungan itu, Perdana Menteri merayu agar kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit dalam projek pelaburan dari China mempercepat dan memudahkan sebarang proses berkaitan.

Malah, beliau sendiri akan mempengerusikan mesyuarat khas berhubung pelaburan besar dari China supaya ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Saya merayu kerajaan negeri berkaitan dan majlis perbandaran harus memastikan proses itu dipercepatkan dan tidak menjadi

masalah kepada syarikat terbabit.

"Bagaimanapun, peraturan harus dipatuhi sepenuhnya dan semua kajian harus selesai, tetapi jangan mengambil masa terlalu panjang kerana dalam keadaan sekarang kita perlu memacu pelaburan lebih rancak.

"Apabila membabitkan kerajaan negeri, saya rasa perlu jika keadaan itu mendesak untuk saya sendiri bersama rakan-rakan untuk berbincang dengan kerajaan negeri berkaitan," katanya.

Ditanya lokasi pelaburan dua syarikat terbabit, Perdana Menteri berkata, Geely membabitkan pelaburan di Pahang dan Tanjung Malim, Perak manakala RPCL di Terengganu dan Pengerang, Johor.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata, semua 19 memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM170 bilion yang dimeterai antara syarikat Malaysia dengan China ketika lawatan beliau ke Beijing baru-baru ini, akan dilaksanakan tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diputuskan beliau bersama rakan sejawatnya, Li Qiang, bagi memastikan syarikat yang terbabit dapat memulakan pelaksanaan MoU berkenaan pada waktu ditetapkan.